

— Panduan untuk Pekerja —

PAMPASAN KECEDERAAN SEMASA KERJA



MINISTRY OF
MANPOWER

APAKAH PAMPASAN KECEDERAAN SEMASA KERJA UNTUK PEKERJA?

Jika anda mengalami kecederaan atau masalah kesihatan akibat kerja anda, anda boleh meminta pampasan dari majikan anda.

Akta Pampasan Kecelakaan Semasa Kerja (WICA) membolehkan para pekerja untuk membuat tuntutan untuk kecederaan atau penyakit yang diakibatkan kerja, tanpa perlu mengambil tindakan guaman.

ADAKAH SAYA DILINDUNGI WICA?



Dilindungi

- Anda seorang pekerja bekerja di bawah "kontrak perkhidmatan".



Tidak Dilindungi

- Mana-mana anggota Angkatan Bersenjata Singapura
- Pegawai bersejarah daripada Angkatan Polis Singapura, Angkatan Pertahanan Awam Singapura, Biro Narkotik Pusat dan Perkhidmatan Penjara Singapura
- Individu yang bekerja sendiri/ kontraktor bebas
- Pekerja pembantu rumah

SOALAN 1



Masihkah boleh saya menuntut untuk pampasan sekiranya...

(i) saya tidak lagi bekerja untuk majikan saya atau saya telah pun diberhentikan kerja?

(ii) kemalangan berlaku semasa saya sedang menjalani tugasan di luar negara?



Ya, anda boleh.

SAYA TELAH MENGALAMI KECEDERAAN SEMASA KERJA. APAKAH YANG HARUS SAYA LAKUKAN?



1

Dapatkan bantuan perubatan. Anda perlu memaklumkan majikan anda secepat mungkin.

- Beliau akan memaklumkan Kementerian Tenaga Manusia (MOM).

2

Berikan salinan asal Sijil Sakit (MC) anda kepada majikan.

- Tuntut gaji semasa tempoh cuti sakit anda.

3

Berikan salinan asal bil perubatan anda kepada majikan.

- Beliau harus membayar anda balik sekiranya anda telah membuat bayaran dahulu.
- Simpan salinan sijil sakit dan bil perubatan anda.

4

Hubungi majikan anda untuk memastikan yang beliau telah memaklumkan pihak MOM tentang kemalangan itu.


5

Putuskan sekiranya anda ingin memfailkan tuntutan di bawah WICA atau undang-undang am.

- Anda hanya boleh membuat tuntutan sekali sahaja.

Bilakah majikan saya akan melaporkan kecederaan semasa kerja saya kepada MOM?

INJURY REPORT



Majikan anda harus melaporkan kecederaan anda jika anda:

- telah dimasukkan wad di hospital sekarang-kurangnya selama 24 jam, atau
- telah diberikan cuti sakit untuk 4 atau lebih hari kalendar (sama ada berturut-turut atau tidak), atau
- mendapat suatu Penyakit Akibat Pekerjaan



TIP BERGUNA Anda boleh memaklumkan MOM sendiri di <http://www.mom.gov.sg/iReport>

APAKAH YANG BOLEH SAYA TUNTUT, BERAPAKAH JUMLAHNYA?

Di bawah WICA, anda boleh menuntut jenis-jenis pampasan berikut, **hanya sekiranya** anda berjumpa dengan seorang doktor yang berdaftar di Singapura.

JENIS 1 : PERBELANJAAN PERUBATAN

Apakah perbelanjaan perubatan?



Bil perubatan + Lain-lain bayaran berkaitan dengan kecederaan semasa kerja, contohnya, bayaran untuk laporan pemeriksaan kecederaan semasa kerja

Anda boleh menuntut perbelanjaan perubatan sehingga had maksimum atau satu tahun daripada tarikh kemalangan, yang mana terdahulu.

Bilakah kejadian itu berlaku?

Apakah jumlah maksimum yang boleh saya tuntutan?

Sebelum 1 Jan 2016

\$30,000

Pada atau selepas 1 Jan 2016

\$36,000

SOALAN 2



**Perbelanjaan perubatan saya berjumlah \$45,000.
Bolehkah saya menuntut jumlah penuh?**

7 FEB
2016



Anda mengalami kemalangan.

10 MAR
2016

1st



\$30,000

Ya, anda boleh menuntut jumlah penuh.

30 JUN
2016

2nd



\$10,000

Anda hanya boleh menuntut \$6,000 sahaja.

9 MAR
2017

3rd



\$5,000

Anda tidak boleh menuntut jumlah ini.

Dalam contoh ini, anda hanya boleh menuntut $\$30,000 + \$6,000 = \$36,000$. Anda tidak boleh menuntut baki \$4,000 yang dikenakan pada 30 Jun 2016 kerana telah mencapai had maksimum. Anda juga tidak boleh menuntut jumlah \$5,000 yang dikenakan pada 9 Mac 2017, kerana ia berlaku **lebih dari setahun daripada tarikh kemalangan**.

JENIS 2 : GAJI CUTI SAKIT

Bilakah boleh saya tuntutan gaji cuti sakit?



Anda boleh menuntut gaji cuti sakit jika anda telah diberikan cuti pesakit luar dan/atau cuti hospital oleh seorang doktor, akibat kecederaan atau masalah kesihatan dari kerja.

Anda hanya boleh menuntut untuk hari-hari di mana anda sepatutnya bekerja (hari bekerja), dan bukan untuk hari rehat atau cuti umum.

WICA melayakkan anda untuk kadar dan had-had berikut:

Untuk jumlah sebegini bagi cuti sakit pesakit luar

Sehingga 14 hari

Atau untuk jumlah sebegini bagi cuti sakit hospital

Sehingga 60 hari

Gaji cuti sakit anda dikira berdasarkan

Gaji purata penuh bulanan anda

Mulai hari ke-15, sehingga 1 tahun daripada tarikh kemalangan

Mulai hari ke-61 sehingga 1 tahun daripada tarikh kemalangan

2/3 daripada gaji purata penuh bulanan anda

SOALAN 3



Majikan saya tidak membayar saya untuk gaji cuti sakit dan bil perubatan. Apakah yang harus saya buat?



Pertama sekali, pastikan yang anda telah menyerahkan semua sijil cuti sakit dan bil perubatan kepada majikan anda. Minta pengesahan dari beliau atas penerimaan kesemuanya.

Jika majikan anda masih belum membayar gaji cuti sakit dan bil perubatan, sila hantarkan surat kepada kami di <http://www.mom.gov.sg/contact-us> atau kunjungi Pusat Perkhidmatan Kementerian Tenaga Manusia.

JENIS 3 : PAMPASAN SEKALIGUS

Ini boleh dibayar dalam kes Ketidakupayaan Kekal (PI) atau Kematian.

PI - apabila suatu kecederaan atau masalah kesihatan memberikan kesan kekal terhadap keupayaan pekerja untuk bekerja

Jumlah yang boleh dibayar kepada pekerja = [Gaji Purata Bulanan Pekerja] x [faktor pendarab umur] x [% ketidakupayaan kekal]¹

*tertakluk kepada had pampasan

Apakah cara untuk membuat kiraan Gaji Purata Bulanan (AME) saya?



Gaji + Gaji Lebih Masa + Elaun Makan

+ Bonus dan elaun-elaun lain yang dibayar untuk kerja sepanjang 12 bulan sebelum tarikh kemalangan



12 bulan



Apakah yang tidak terangkum?

- Caruman CPF pekerja
- Jumlah yang dibayar untuk perbelanjaan khusus yang tidak berkaitan dengan pekerjaan anda (contohnya, elaun pengangkutan/ pembayaran balik)

TIP BERGUNA Rujuk kepada www.mom.gov.sg/calculate-ame untuk membuat kiraan AME anda.

| Bilakah kemalangan itu berlaku? | Had Pampasan* | |
|---------------------------------|-------------------|--------------------|
| | Minimum | Maksimum |
| Sebelum 1 Jan 2016 | [\$73,000 x % PI] | [\$218,000 x % PI] |
| Pada atau selepas 1 Jan 2016 | [\$88,000 x % PI] | [\$262,000 x % PI] |

Nota:
¹% Ketidakupayaan Kekal (% PI) berdasarkan pada penilaian doktor selepas keadaan pekerja menjadi stabil.



KEMATIAN - apabila kecederaan menyebabkan kematian seorang pekerja

Jumlah yang dibayar kepada anggota keluarga atau tanggungan pekerja yang terkorban
= [AME Pekerja] x [faktor pendarab umur]

*tertakluk kepada had pampasan

| Bilakah kemalangan itu berlaku? | Had Pampasan* | |
|---------------------------------|---------------|-----------|
| | Minimum | Maksimum |
| Sebelum 1 Jan 2016 | \$57,000 | \$170,000 |
| Pada atau selepas 1 Jan 2016 | \$69,000 | \$204,000 |

SOALAN 4



Adakah saya perlukan seorang peguam?



- Anda tidak memerlukan seorang peguam untuk membantu anda dengan tuntutan anda kerana jumlah pampasan berdasarkan formula yang telah ditetapkan.
- MOM mempunyai penterjemah yang boleh membantu anda untuk memfailkan tuntutan tanpa sebarang kos tambahan.
- Para penterjemah ini boleh berbahasa: Bengali, Tamil, Mandarin, Melayu.

SOALAN 5



Apakah yang akan terjadi sekiranya majikan saya masih tidak membayar pampasan yang telah diperintahkan oleh MOM?



Majikan anda harus membayar anda dalam masa 21 hari daripada pengumuman Perintah. Jika beliau tidak melakukan sedemikian, beliau boleh didakwa kerana gagal untuk menurut Perintah. Namun, ini tidak bermakna yang anda akan menerima pampasan tersebut.

Anda harus menguatkuasakan Perintah itu sendiri di seksyen Bailif di Mahkamah Negara di 1 Havelock Square, Singapura 059724. Anda boleh menghubungi pegawai kami untuk meminta bantuan.

SAYA INGIN MEMFAILKAN SEBUAH TUNTUTAN WICA. APAKAH YANG HARUS SAYA BUAT?



TUNTUTAN

Permohonan untuk Tuntutan Pampasan Kecelakaan Semasa Kerja

Di bawah Akta Pampasan Kecelakaan Semasa Kerja

Failkan tuntutan anda

- Anda perlu memaklumkan pihak MOM bahawa anda ingin memfailkan sebuah tuntutan.
- Kami akan menghantarkan borang permohonan kepada anda.
- **Anda mungkin tidak boleh membuat tuntutan selepas lebih 1 tahun daripada tarikh kemalangan.**

TIP BERGUNA



Tahukah anda bahawa anda boleh menyemak status tuntutan kecederaan semasa kerja anda melalui SMS? Teks CS <jarak> no. rujukan tuntutan ke '96175993' Contohnya, CS W-2014010001

Jalani pemeriksaan kesihatan

- Hadiri semua temu janji perubatan.
- Jangan berpindah hospital/klinik.
- Hospital akan memeriksa anda dan memaklumkan kepada MOM tentang tahap kecederaan anda (% Ketidakupayaan Kekal /PI anda).



Terima Notis Taksiran

- Kami akan mengeluarkan Notis Taksiran kepada anda, majikan dan syarikat insurans anda.



Selesaikan tuntutan dan bayaran

- Jika tiada sesiapa yang membantah penilaian MOM, majikan atau syarikat insurans anda harus membayar anda dalam masa **21 hari** daripada pengeluaran Notis. Majikan anda tidak boleh memotong wang (contohnya, perbelanjaan perubatan dan gaji cuti sakit) daripada jumlah pampasan anda.
- Jika terdapat sebarang bantahan, MOM akan membantu menyelesaikan dan mengeluarkan Perintah bayaran pampasan.



Saya adalah seorang pekerja warga asing. Bolehkah majikan saya menghantar saya pulang ke negara asal saya ketika tuntutan WICA saya sedang dalam pemrosesan?



Majikan anda tidak boleh menghantar anda pulang ke negara asal anda sekiranya MOM memerlukan anda untuk berada di Singapura.

Jika beliau memaksa anda untuk pulang, laporkannya kepada pihak berkuasa di pusat pemeriksaan imigresen dan mereka akan merujuk anda kepada MOM.



APAKAH YANG AKAN TERJADI JIKA SAYA MELAKUKAN KESALAHAN DI BAWAH WICA?



MOM akan mengambil tindakan tegas terhadap anda.

Jika anda seorang pekerja warga asing, permit kerja anda akan dibatalkan dan anda tidak akan dibenarkan untuk kembali ke Singapura untuk bekerja.

Selain itu, terdapat penalti-penalti lain:

Membuat tuntutan palsu

- Denda sehingga \$15,000; dan/atau
- Penjara sehingga 12 bulan

Memberi maklumat palsu kepada pegawai

- Denda sehingga \$5,000; dan/atau
- Penjara sehingga 6 bulan

PERLUKAN BANTUAN UNTUK MEMFAILKAN TUNTUTAN WICA ATAU UNTUK MENGETAHUI LEBIH LANJUT TENTANG PAMPASAN KECEDERAAN SEMASA KERJA?



<http://www.mom.gov.sg/wic>



Ministry of Manpower Services Centre
1500 Bendemeer Road
Singapore 339946

MASA BEROPERASI:

Isnin hingga Jumaat: 8:00pg – 5:30ptg
(Tiket giliran akan diberikan sehingga 4.30ptg)



6438 5122

DIKEMASKINI PADA FEBRUARI 2017

Maklumat yang disediakan di dalam panduan ini adalah tepat pada masa cetakan. Panduan ini menyediakan maklumat asas untuk Pampasan Kecederaan Semasa Kerja (WIC) untuk para pekerja. Ia juga memberikan gambaran keseluruhan yang ringkas bagi hak dan kewajipan mereka di bawah Akta WIC. Sebagai satu panduan, buku kecil ini tidak mempunyai kedudukan undang-undang. Jika anda ragu-ragu, rujukan harus dibuat kepada Akta WIC itu sendiri.